

# Sebuah Mercu Tanda Ilmu

By Juffri Supa'at, Reference Librarian, Lee Kong Chian Reference Library

*Pembinaan tamadun ilmu hanya mungkin terhasil jika ilmu diberikan status sebagai "the highest good" (kebaikan mutlak) atau menduduki martabat tertinggi dalam sistem nilai individu dan masyarakat.*

ms 45, Budaya Ilmu, Satu Penjelasan  
Wan Mohd Nor Wan Daud

Perpustakaan Negara yang baru ini telah dibina sebagai sebuah perpustakaan yang moden dan unik bagi menghadapi cabaran dan keperluan generasi masa kini di dalam mengharungi dunia berteraskan ilmu.

Bangunan gah setinggi 16 tingkat yang terletak di Victoria Street ini dipenuhi dengan koleksi sebanyak 634,000 bahan. Ia juga menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang menyeluruh sesuai dengan visinya menjadi sebuah pusat ilmu. Dengan ruang seluas 58,000 meter persegi, bangunan ini lima kali lebih besar jika dibandingkan dengan bangunan lama di Stamford Road. Ia juga menempatkan Perpustakaan Pinjaman Central yang terletak di *Basement 1*.

Antara yang menjadi tumpuan utama bangunan ini ialah Perpustakaan Rujukan Lee Kong Chian, Nama Lee Kong Chian diabadikan sempena memperingati semangat kedermawanan Dr Lee Kong Chian, pengasas Yayasan Lee yang telah memberi sumbangan sebanyak \$60 juta kepada perpustakaan baru ini.

Perpustakaan Rujukan Lee Kong Chian yang memenuhi tingkat 7 ke tingkat 13 mempunyai koleksi melebihi 500,000 bahan di dalam pelbagai bidang dan format. Ia bersesuaian dengan tekadnya untuk menjadi sebuah pusat sumber maklumat utama bagi kajian dan rujukan terutama sekali yang berkaitan dengan Singapura dan Asia Tenggara untuk memenuhi keperluan informasi golongan pengkaji, karyawan dan juga para pengguna am.

Koleksi-koleksi di Perpustakaan ini disusun berdasarkan bidang-bidang berikut:


<b>Tingkat 7</b>	Koleksi Sains Sosial dan Kemasyarakatan Koleksi Sains dan Teknologi
<b>Tingkat 8</b>	Koleksi Seni dan Perniagaan
<b>Tingkat 9</b>	Koleksi Cina, Melayu dan Tamil
<b>Tingkat 10</b>	Koleksi Kanak-kanak Asia Koleksi Penderma
<b>Tingkat 11</b>	Koleksi Singapura and Asia Tenggara
<b>Tingkat 13</b>	Koleksi Bahan-bahan Nadir

## Koleksi Cina, Melayu dan Tamil (Tingkat 9)

Koleksi-koleksi ini dibangunkan bagi memartabatkan peranan Perpustakaan Rujukan Lee Kong Chian sebagai sebuah pusat rujukan dan penyelidikan yang cemerlang dengan memenuhi keperluan rakyat Singapura mencari dan mengakses maklumat di dalam bahasa Cina, Melayu dan Tamil. Ia kini mempunyai sebanyak 67,200 bahan. Koleksi-koleksi ini menegenahkan budaya dan nilai tradisional yang mencerminkan aspek-aspek sosio-ekonomi, kebudayaan dan kesusasteraan ketiga-tiga kumpulan etnik di Singapura.

## Koleksi Melayu

Koleksi Melayu menyentuh segala aspek kehidupan masyarakat di Kepulauan Melayu, termasuk sosio-ekonomi, politik, kebudayaan, agama, bahasa, kesusasteraan dan pembangunan negara. Bahan-bahan Koleksi Rujukan Melayu Am ini membentuk bahagian yang besar di



Hak Cipta Terpelihara, Balai Pustaka, 1953

Sebuah kumpulan naskhah-naskhah drama karya Armijn Pane, salah seorang sasterawan Indonesia Angkatan Pujangga baru.

antara keseluruhan Koleksi Melayu Perpustakaan Rujukan Lee Kong Chian. Koleksi ini mengandungi monograf, terbitan berkala, bahan-bahan pandang-dengar dan mikrofilem. Juga terdapat bahan-bahan khusus untuk rujukan seperti kamus, ensiklopedia, direktori, biografi, bibliografi, buku tahunan, peta, indeks dan abstrak.

Antara yang menarik yang boleh didapati di dalam koleksi ini ialah koleksi berkenaan kesusasteraan, bahasa dan Islam.

**Koleksi Kesusasteraan** merangkumi kedua-dua sastera Melayu tradisional/klasik dan moden. Koleksi ini diperkayakan dengan bahan-bahan yang menyentuh tentang teori dan falsafah kesusasteraan, puisi, drama, novel, esei dan kritikan kesusasteraan oleh penulis-penulis dari Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand.



Hak Cipta  
Terpelihara,  
Universiti  
Kebangsaan  
Malaysia  
Bangi, 2001

Buku ini mengungkapkan isu-isu sekitar pemikiran alam melayu oleh tokoh-tokoh sarjana yang mencabar dan menduga keutuhan tamadun Melayu.

**Koleksi Bahasa** terdiri daripada bahan-bahan tentang bahasa Melayu dan perkembangannya. Bahasa Melayu merupakan bahasa perantaraan di Kepulauan Melayu pada suatu ketika dahulu. Ia juga adalah bahasa yang utama dan memainkan peranan penting sewaktu pengislaman Semenanjung Melayu. Bagi menghargai peranan yang dimainkan oleh bahasa Melayu dalam masyarakat, Perpustakaan Rujukan Lee Kong Chian cuba mengabadikan intipati bahasa ini dari berbagai aspek, termasuk falsafah dan teori, fonologi dan nahu.

**Koleksi Islam** tertumpu pada bahan-bahan berkaitan dengan ketamadunan



Hak Cipta  
Terpelihara,  
Akbar Media  
Eka Sarana,  
2003

Buku yang membicarakan tentang sejarah Islam sejak dari zaman Nabi Adam a.s. hingga kini. Ia juga membincangkan isu-isu orang Islam yang menjadi kumpulan minoriti di negara-negara bukan Islam.

Islam seperti nilai-nilai, amalan-amalan serta cara kehidupan dalam Islam. Penekanan khas diberikan kepada sumber-sumber berhubung Islam di Kepulauan Melayu.

### Koleksi Asia Kanak-kanak

Koleksi Asia Kanak-kanak mengandungi bahan-bahan yang ditulis khas untuk kanak-kanak berkaitan dengan negara-negara Asia dan penduduknya. Koleksi ini merangkumi buku kanak-kanak dalam ke empat-empat bahasa rasmi Singapura dan merupakan sumber yang paling sesuai bagi para pendidik, pelukis ilustrasi dan sesiapa sahaja yang berminat dalam penggunaan dan penghasilan bahan-bahan bacaan dan tulisan untuk kanak-kanak dari perspektif Asia.

### Koleksi Singapura dan Asia Tenggara

Koleksi-koleksi ini adalah sumber bahan penyelidikan sejarah yang bernilai. Keistimewaan koleksi-koleksi ini ialah karya-karya berkaitan sejarah, pemerintahan, budaya dan adat, bahasa dan sastera. Para penyelidik juga boleh merujuk kepada 24,000 unit bahan mikroform, terdiri daripada bahan-bahan terbitan sebelum tahun 1900, akhbar-akhbar tempatan dan majalah-majalah berkala keluaran lampau serta tesis-tesis. Terdapat juga peta meliputi Singapura, Malaysia dan negara-negara Asia Tenggara yang lain, serta poster-poster tentang Singapura dalam koleksi ini. Tambahan lagi, 15,000 unit bahan pandang-dengar seperti video, cakera padat, cakera laser, VCD dan DVD ditempatkan di sini. Sebahagian daripada bahan bercetak telah ditukarkan formatnya kepada bentuk digital dan kini tersedia untuk penggunaan ramai di Perpustakaan Digital kami.

### Sumber-sumber Singapura

Di antara tumpuan koleksi di bahagian ini ialah bahan-bahan sumber Singapura dan juga Asia Tenggara. Ia terdiri dari bahan-

bahan berkaitan Singapura dan penduduknya yang komprehensif dalam semua format, termasuk sumber-sumber asas dan yang telah diterbitkan dalam berbagai disiplin. Ia juga merangkumi karya-karya berkaitan Negeri-Negeri Selat dan Malaya di mana Singapura pernah menjadi sebahagian daripada entiti politiknya.

Di samping itu, terdapat juga bahan-bahan yang mendokumentasikan liputan penting tentang Malaysia, Indonesia, Brunei, Thailand, Kampuchea, Filipina, Timor Timor, Laos, Vietnam dan Myanmar, terutama dalam bidang-bidang sejarah, politik dan pemerintah, budaya dan adat, flora dan fauna serta ekonomi.

### Koleksi Bahan-bahan Nadir

Sebahagian besar koleksi ini mengandungi bahan-bahan yang dicetak pada abad ke sembilan belas dan awal abad ke dua puluh. Kebanyakan daripada bahan-bahan ini diterbitkan oleh syarikat-syarikat percetakan akhbar yang terawal di Singapura. Koleksi ini juga mengandungi manuskrip Melayu bertulisan Jawi, kamus dalam bahasa Melayu dan bahasa-bahasa Asia Tenggara, direktori dan almanak, jurnal ilmiah, kisah-kisah pengembaraan di kepulauan Melayu dan Asia Tenggara, serta terbitan Cina klasik yang diceritakan semula dalam bahasa Melayu Baba.

Untuk pertanyaan mengenai Perpustakaan, sila hubungi:  
Perpustakaan Rujukan Lee Kong Chian  
100 Victoria Street #07-01  
Singapura 188064  
Tel: +65 6332 3255  
Fax: +65 6332 3248  
Laman Web: [www.nlb.gov.sg](http://www.nlb.gov.sg)

**Waktu pembukaan:**  
Isnin – Ahad  
(ditutup pada Cuti Umum)  
10 pagi – 9 mlm

Untuk perkhidmatan rujukan,  
sila hubungi:  
Emel: [ref@nlb.gov.sg](mailto:ref@nlb.gov.sg)  
SMS: +65 9178 7792  
Fax: +65 6332 3248